



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Emas Yang Dipakai Perempuan: Wajibkah Dizakat?

(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Emas merupakan antara jenis barangan kemas yang digemari oleh sebahagian kaum perempuan. Bermacam aksesori yang direkabentuk dengan emas antaranya gelang, rantai, cincin, subang, bahkan tidak kurang pula ada yang disulam pada pakaian.

Selain daripada kecantikan dan kualiti, emas juga dilihat sebagai satu ciri kemewahan kerana nilai harganya yang tinggi. Pada kebiasaannya masyarakat menilai perempuan yang banyak memakai barangan kemas yang diperbuat daripada emas sebagai golongan yang berada atau yang berkemampuan. Maka tidak hairanlah jika terdapat segelintir orang yang berlumba-lumba ingin memiliki barang perhiasan emas yang banyak tanpa menyedari bahawa Islam melarang penggunaan barang kemas yang berlebihan dan melarang bermegah-megah.

Berhubung dengan perkara di atas, satu isu yang menjadi persoalan ialah mengenai kewajipan zakat pada emas yang dipakai oleh kaum perempuan, sama ada sebagai pakaian atau perhiasan diri.

Kewajipan Mengeluarkan Zakat Emas

Emas adalah jenis galian termasuk dalam harta yang wajib dizakat. Emas dianggap matawang kerana nilai matawang adalah sama dengan nilai emas. Zakat emas pula digantungkan kepada zakat dinar (kepingan wang emas).

Kewajiban mengeluarkan zakat dinar ada disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Ali *Karamullahu wajhah*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Maka apabila engkau mempunyai dua ratus dirham, dan (dua ratus dirham tersebut) telah sampai haul, maka padanya (wajib zakat) lima dirham, dan tidak dikenakan ke atasmu apa-apa (yang wajib dizakat) pada emas sehingga engkau mempunyai dua puluh dinar, apabila engkau mempunyai dua puluh dinar dan telah cukup haul, maka padanya (wajib zakat) setengah dinar. Maka apa yang bertambah (daripada jumlah tersebut) adalah dikira mengikut tambahan itu.”*

(Hadis riwayat Abu Daud)

Sempurna Haul Dan Cukup Nisab Syarat Pengeluaran Zakat Emas

Dalam menentukan wajib zakat pada emas disyaratkan sampai haul dan cukup nisab.

Haul ialah sempurna tempoh kekal mata benda itu selama setahun hijriyyah. Contohnya emas yang disimpan itu kekal setahun mulai 1 Safar 1430 hijrah sehingga 30 Muharram 1431 hijrah.

Nisab pula ialah kadar minima harta yang wajib dizakat. Para ulama bersepakat bahawa kadar emas yang diwajibkan zakat itu ialah apabila cukup nisab 20 mitsqal (dinar) dan kadar perak pula ialah 200 dirham mengikut timbangan Makkah sebagaimana yang tersebut dalam hadis tadi.

Di dalam kitab *Buhuts wa Fatawa Islamiyyah fi Qadhaya Mu'assarah*, Asy-Syeikh al-Azhar menjelaskan bahawa para penyelidik dalam penelitian mereka berkenaan dengan matawang Islam bahawa satu mitsqal (dinar) di zaman Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* adalah bersamaan dengan 4.25 gram mengikut timbangan pada zaman sekarang. Oleh yang demikian, nisab bagi zakat emas adalah $20 \text{ mitsqal} \times 4.25 \text{ gram} = 85 \text{ gram}$. Manakala satu dirham pula adalah bersamaan dengan 2.975 gram, dan yang demikian nisab bagi zakat perak itu adalah $200 \text{ dirham} \times 2.975 = 595 \text{ gram}$.

Berdasarkan kesepakatan ulama, wajiblah seseorang itu mengeluarkan zakat jika dia memiliki emas yang mencapai jumlah nisab 85 gram dan perak yang mencapai nisab 595 gram. Kadar yang wajib dikeluarkan pula ialah 2.5% atau $\frac{1}{40}$ dari jumlah timbangan emas dan perak tersebut.

Emas yang wajib dizakat

Mengeluarkan zakat emas adalah tertakluk kepada cara pemilikan, penggunaan dan kadar berat emas tersebut.

Jika seseorang itu memiliki emas untuk dijadikannya simpanan bagi tujuan untuk dikembangkan bukannya untuk dipakai atau bertujuan untuk dijual untuk mendapatkan harga (wang) apabila memerlukan, maka wajib dikeluarkan zakatnya apabila cukup haul dan sampai nisab.

Emas yang dipakai sebagai barang kemas oleh perempuan

Kaum wanita dibolehkan memakai emas seperti gelang dan rantai leher dengan syarat tidak berlebih-lebihan dan tiada dikenakan zakat pada emas tersebut. Ini disebabkan barangan emas tersebut adalah untuk dipakai.

Dalam sebuah atsar sahabat *Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam* iaitu Ibnu Umar *Radhiallahu ‘anhuma*, beliau mengatakan:

()

Maksudnya: *“Tiada dikenakan zakat pada perhiasan tubuh badan.”*

(Atsar riwayat al-Baihaqi)

Walau bagaimanapun jika pemakaian barangan emas itu berlebihan sama ada untuk perhiasan diri atau pakaian yang disulam dengan emas, maka wajib dikeluarkan zakat. Adapun maksud berlebihan itu adalah melampui had, contohnya seorang perempuan memiliki gelang yang mencapai timbangannya 200 mitsqal (850 gram).

Oleh yang demikian, apabila seorang perempuan itu memiliki barang kemas yang diperbuat daripada emas dan jika setiap satu jenis daripadanya mencapai timbangan 850 gram, maka wajib ke atasnya mengeluarkan zakat pada barang yang mencapai berat timbangan tersebut. Sebagai contoh setiap jenis dari barangan kemas itu ialah seorang perempuan memiliki 850 gram rantai emas, 850 gram gelang emas dan 850 gram cincin emas.

Apabila terdapat apa yang dikatakan berlebihan itu dalam setiap jenis emas, maka wajib dikeluarkan zakat pada keseluruhan timbangan berat emas dalam jenis tersebut. Umpamanya seorang perempuan itu memiliki 1000 gram gelang emas, maka wajiblah dia mengeluarkan 2.5% atau 1/40 daripada 1000 gram, bukannya 2.5% atau 1/40 daripada 850 gram sahaja.

Barangan kemas yang bukan diperbuat daripada emas dan perak

Selain daripada emas dan perak, terdapat barangan perhiasan diri yang amat diminati oleh golongan perempuan seperti mutiara, berlian, permata dan sebagainya.

Walau bagaimanapun tiada zakat dikenakan pada barangan kemas tersebut walaupun ada sebahagian daripadanya lebih mahal harganya. Ini kerana benda-benda tersebut diciptakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk dipakai sebagai perhiasan diri, dan kewajipan mengeluarkan zakat pada benda-benda tersebut tidak dinyatakan.

Kesimpulannya, tidak diwajibkan zakat pada emas yang dipakai oleh perempuan sama ada sebagai pakaian atau perhiasan diri kecuali jika pemakaian tersebut mencapai kadar berlebihan. Maka jika ini berlaku, tiada pengecualian baginya mengeluarkan zakat pada setiap jenis barangan emas yang mencapai kadar berlebihan itu.